



Jabatan Audit Negara
Malaysia

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Sijil Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mewakilkan sebuah firma audit swasta untuk mengaudit Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu. Penyata Kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Universiti dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 57.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS), Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Malaysia Terengganu.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Terengganu bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS), Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Malaysia Terengganu. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Malaysia Terengganu atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan termasuk pendedahannya, dan sama ada Penyata Kewangan Universiti dan Kumpulan telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Malaysia Terengganu, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 14 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan, Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan telah menerima pakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) mulai 1 Januari 2020 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2019. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Lembaga Pengarah terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai Universiti dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2019 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terlibat untuk melaporkan maklumat perbandingan yang dinyatakan semula dan yang tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan Penyata Kewangan Universiti dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2020 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2020 serta prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.
- b. Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Terengganu berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Malaysia Terengganu dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.




(MOHD SERJANA BIN IBRAHIM)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA

8 JULAI 2021



ISI KANDUNGAN
PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

<u>Bil</u>	<u>Perkara</u>	<u>Muka Surat</u>
1	Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah UMT	-
2	Perakuan Oleh Pegawai Utama	-
3	Penyata Kedudukan Kewangan	1
4	Penyata Prestasi Kewangan	2
5	Penyata Perubahan Ekuiti	3-4
6	Penyata Allran Tunai	5
7	Nota-Nota Kepada Akaun	6-57

PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami, **TAN SRI DATO' SERI SHAMSUL AZHAR BIN ABBAS** dan **PROFESOR DATO' DR. NOR AIENI BINTI HAJI MOKHTAR** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Universiti Malaysia Terengganu pada 31 Disember 2020 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

Bagi pihak Lembaga,



NAMA : **SHAMSUL AZHAR BIN ABBAS**

GELARAN : **TAN SRI DATO' SERI**

TARIKH : **18 FEB 2021**



NAMA : **NOR AIENI BINTI HAJI MOKHTAR**

GELARAN : **PROFESOR DATO' DR.**

TARIKH : **18 FEB 2021**

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

Saya, **AZIZAH BINTI HASAN (No.KP: 770401-11-5732)**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya }
diakui oleh penama di atas iaitu }
AZIZAH BINTI HASAN }
di Kuala Terengganu }
di Negeri Terengganu }
pada **18 FEB 2021** }



.....
BENDAHARI

Di hadapan saya,



.....
PESURUHJAYA SUMPAAH

**PUTRIAN SRI INTAN,
JALAN SULTAN OMAR
20300 KUALA TERENGGANU,
TERENGGANU**

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2020**

NOTA	2020	KUMPULAN 2019 DINYATAKAN SEMULA	01.01.2019	2020	UNIVERSITI 2019 DINYATAKAN SEMULA	01.01.2019
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
ASET						
Aset Semasa						
Tunai di Tangan dan Wang di Bank	4	4,638,170	12,539,511	3,063,430	3,324,397	11,322,081
Pelaburan Jangka Pendek	5	28,150,000	19,000,000	18,640,000	28,150,000	19,000,000
Simpanan Tetap (Al-Mudharabah)	6	275,900,000	264,840,000	243,420,000	275,900,000	264,840,000
Urusniaga Pertukaran Belum Terima	7	5,766,309	7,110,948	7,049,219	5,202,481	5,696,223
Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima	8	2,506,603	2,279,355	3,795,114	2,506,603	2,279,355
Lain-Lain Belum Terima	9	666,237	5,765,234	483,003	1,066,237	6,165,234
Wang Cagaran dan Prabayar	11	948,866	175,439	508,712	830,018	128,538
Inventori	12	39,497	-	10,162	-	-
Jumlah Aset Semasa		318,615,682	311,710,487	276,969,640	316,979,736	309,431,431
Aset Bukan Semasa						
Aset Cukai Tertunda	13	79,590	18,623	18,939	-	-
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	8	7,680,974	5,815,248	4,446,374	7,680,974	5,815,248
Lain-Lain Belum Terima	9	2,025,938	1,344,219	1,107,253	2,025,938	1,344,219
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	14	-	-	1	3,700,000	3,700,000
Pelaburan Lain	15	107,253	-	1,000,000	-	-
Hartanah, Loji Dan Peralatan	16	384,703,773	380,097,823	377,927,384	381,223,966	376,390,233
Pembinaan Dalam Kemajuan	17	16,527,898	9,455,985	9,948,401	16,527,898	9,455,985
Aset Tak Ketara	18	637,868	576,553	201,654	630,491	575,330
Muhibbah	19	-	29,763	-	-	-
Jumlah Aset Bukan Semasa		411,763,294	397,338,214	394,650,006	411,789,267	397,281,015
JUMLAH ASET		730,378,976	709,048,701	671,619,646	728,769,003	668,703,295
LIABILITI						
Liabiliti Semasa						
Urusniaga Pertukaran Belum Bayar	20	7,801,127	6,780,376	7,722,751	6,319,784	5,175,012
Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Bayar	21	-	30,000	337,400	-	30,000
Lain-Lain Belum Bayar	22	279,504	874,032	378,246	279,504	874,032
Peruntukan Cukai	23	6	36,355	-	-	-
Pinjaman Bank	24	88,691	84,808	131,440	-	-
Manfaat Pekerja	25	930,586	299,000	395,000	930,586	299,000
Jumlah Liabiliti Semasa		9,099,914	8,104,571	8,964,837	7,529,874	6,378,044
Liabiliti Bukan Semasa						
Pinjaman Bank	24	2,337,990	2,364,046	2,395,921	-	-
Manfaat Pekerja	25	2,973,004	1,359,989	27,563,000	2,973,004	1,359,989
Geran Tertunda	26	130,019,415	115,375,261	88,116,016	130,019,415	115,375,261
Liabiliti Cukai Tertunda	13	8,913	8,913	8,913	-	-
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		135,339,322	119,108,209	118,083,850	132,992,419	116,735,250
JUMLAH LIABILITI		144,439,236	127,212,780	127,048,687	140,522,293	123,113,294
ASET BERSIH		585,939,740	581,835,921	544,570,959	588,246,710	546,760,075
ASET BERSIH/EKUITI						
KUMPULAN WANG MENGURUS	27	41,069,032	58,667,538	39,397,928	41,069,032	58,667,538
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	28	362,422,033	350,804,371	341,251,784	362,422,033	350,804,371
KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN	29	13,008,606	6,544,139	7,274,278	13,008,606	6,544,139
KUMPULAN WANG KHAS	30	121,299,425	118,306,904	113,565,558	121,299,425	118,306,904
KUMPULAN WANG TABUNG LAIN	31	18,537,842	17,964,215	15,226,273	18,537,842	17,964,215
KUMPULAN WANG KURSUS DAN SEMINAR	32	4,945,490	4,132,472	3,886,815	4,945,490	4,132,472
KUMPULAN WANG KOLEJ KEDIAMAN	33	7,908,792	8,720,713	8,386,074	7,908,792	8,720,713
KUMPULAN WANG ENDOWMEN	34	19,055,490	18,458,800	17,771,365	19,055,490	18,458,800
SYARIKAT SUBSIDIARI		(2,306,970)	(1,763,231)	(2,189,116)	-	-
JUMLAH ASET BERSIH/EKUITI		585,939,740	581,835,921	544,570,959	588,246,710	546,760,075

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2020	2019 DINYATAKAN SEMULA	2020	2019 DINYATAKAN SEMULA
	RM	RM	RM	RM
PENDAPATAN				
Urus Niaga Pertukaran	35	37,082,476	42,416,485	35,758,816
Urus Niaga Bukan Pertukaran	36	213,819,535	215,427,183	213,822,535
Lain-lain Pendapatan	37	1,033,876	758,680	733,737
JUMLAH PENDAPATAN		251,935,887	258,602,348	250,315,088
PERBELANJAAN				
Emolumen	38	132,955,581	128,162,452	132,630,180
Perkhidmatan, Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	39	30,353,346	38,338,161	30,603,742
Penyelenggaraan dan Pembbaikan Kecil		13,435,152	12,710,290	13,432,151
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	40	40,369,291	40,473,444	38,767,602
Biasiswa dan Dermasiswa		5,407,822	3,610,749	5,407,822
Pemberian Dalam Negeri		1,487,670	878,769	1,487,670
Kenaan Cukai dan Duti		458,277	450,026	458,277
Gantian Cuti rehat		2,721,307	512,673	2,721,307
Pelunasan/Susut Nilai	16 & 18	15,855,239	15,637,186	15,808,075
Hutang Ragu	10	221,484	119,062	176,800
Bayar Balik dan Hapus Kira		1,779,795	209,821	1,779,795
Rosot/nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	16	128,758	-	-
Kerugian Atas Penilaian Hartanah Pelaburan	16	191,942	-	-
Perbelanjaan Lain		2,492,586	2,913,654	2,394,109
JUMLAH PEBELANJAAN		247,858,250	244,016,287	245,667,530
Lebihan Pendapatan Atas Perbelanjaan Sebelum Cukai		4,077,637	14,586,061	4,647,558
Cukai	23	55,943	(108,527)	-
Lebihan Pendapatan Atas Perbelanjaan Selepas Cukai		4,133,580	14,477,534	4,647,558

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI KUMPULAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Nota	Kumpulan Wang									
	Mengurus	Pembangunan	Penyelidikan	Khas	Tabung Lain	Kursus dan Seminar	Kolej Kediaman	Endowmen	Syarikat Substidiari	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
	58,667,538	350,804,371	6,544,139	118,306,904	17,964,215	4,132,472	8,720,713	18,458,800	(1,763,231)	581,835,921
Pada 1 Januari 2020	(14,541,328)	11,617,662	117,781	8,457,517	(684,229)	(106,121)	(810,414)	596,690	(513,978)	4,133,580
Lebih / (Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan Dinyatakan Semula	(3,057,178)	-	6,346,686	(5,464,996)	1,257,856	919,139	(1,507)	-	-	-
Pindahan Antara Kumpulan Wang	-	-	-	-	-	-	-	-	(29,761)	(29,761)
Kesan Perubahan Dalam Ekuiti	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Baki Pada 31 Disember 2020	41,069,032	362,422,033	13,008,606	121,299,425	18,537,842	4,945,480	7,908,792	19,055,490	(2,306,970)	585,939,740
	39,397,928	341,251,784	6,833,871	113,565,558	15,226,273	3,886,815	8,386,074	17,771,365	(2,189,116)	202,878,768
Pada 1 Januari 2019	-	341,251,784	440,407	-	-	-	-	-	-	341,692,191
Kesan Pemakaian Awal MPSAS	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Baki Pada 1 Januari 2019 (seperti dinyatakan semula)	39,397,928	341,251,784	7,274,278	113,565,558	15,226,273	3,886,815	8,386,074	17,771,365	(2,189,116)	544,570,959
Pelarasan Tahun Lepas	25,970,092	-	(3,076,730)	-	(168,154)	-	(20,593)	-	-	22,702,615
Lebih / (Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan	(5,665,241)	9,552,587	(561,969)	9,131,518	671,243	(34,343)	355,232	687,435	341,072	14,477,534
Pindahan Antara Kumpulan Wang	(1,035,241)	-	2,910,560	(4,390,172)	2,234,853	280,000	-	-	-	-
Keuntungan Awal Dalam Ambil Alih Subsidiari	-	-	-	-	-	-	-	-	67,293	67,293
Kepentingan Bukan Kawalan Dan Ambil Alih Subsidiari	-	-	-	-	-	-	-	-	17,520	17,520
Baki 31 Disember 2019 yang dinyatakan semula	58,667,538	350,804,371	6,544,139	118,306,904	17,964,215	4,132,472	8,720,713	18,458,800	(1,763,231)	581,835,921

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Nota	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2020	2019	2020	2019
	RM	DINYATAKAN SEMULA RM	RM	DINYATAKAN SEMULA RM
TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI				
Lebihan sebelum cukai	4,077,637	14,586,061	4,647,558	14,136,462
Pelarasan bukan tunai :				
Hasil daripada Geran	36 (169,706,731)	(174,256,562)	(169,706,731)	(174,256,562)
Pelunasan Geran/Pemberian Modal Direalisasikan	36 (37,800,028)	(32,646,335)	(37,800,028)	(32,646,335)
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	16 15,675,086	15,612,186	15,628,465	15,589,929
Susutnilai Aset Tak Ketara	16 180,153	25,431	179,610	25,000
Rosotnilai hartanah,loji dan peralatan	127,280	-	-	-
Pelarasan Hartanah, Loji dan Peralatan/Aset Tak Ketara	201,348	307,360	201,348	307,360
Kerugian/(Keuntungan) Pelarasan Nilai Saksama Hartanah				
Pelaburan	191,942	(273,500)	-	-
Pelupusan Pelaburan Dalam Anak Syarikat	1	-	-	-
Pelunasan Muhibah	-	29,763	-	-
Hasil daripada Faedah	35 (9,874,036)	(10,806,526)	(9,874,036)	(10,806,526)
Belanja Faedah	67,504	128,627	-	-
Manfaat Pekerja Jangka Panjang (Untung)/Rugi daripada Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan/Aset Tak Ketara	1,613,015	37,000	1,613,015	37,000
(Kurangan) Pendapatan Sebelum Perubahan Modal Kerja	28,640	27,324	27,162	27,324
	(195,218,189)	(187,229,171)	(195,083,637)	(187,586,348)
Perubahan Modal Kerja :				
Pergerakan Bersih dalam Belum Terima	2,895,770	(5,923,585)	2,116,565	(6,248,961)
Pergerakan Bersih dalam Belum Bayar	4,378,007	(2,778,147)	4,541,781	(1,936,824)
Cukai yang dibayar	(41,373)	(71,856)	-	-
Aliran Tunai Digunakan Bagi Aktiviti Operasi	(187,985,785)	(196,002,759)	(188,425,291)	(195,772,133)
TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN				
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	16 (18,485,093)	(6,523,368)	(18,345,557)	(6,520,486)
Tambahan Pembinaan Dalam Kemajuan	17 (12,807,015)	(9,178,324)	(12,807,015)	(9,178,324)
Pembelian Aset Tak Ketara	(241,468)	-	(234,771)	-
Faedah Diterima	9,874,036	10,806,526	9,874,036	10,806,526
Tunai Daripada Aktiviti Ambil Alih Subsidiari	-	4,055	-	-
Penjualan Pelaburan Jangka Panjang	-	1,000,000	-	-
Tunai Bersih Diguna Dalam Aktiviti Pelaburan	(21,659,540)	(3,891,111)	(21,513,307)	(3,892,284)
TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Terimaan Geran	222,150,914	231,375,585	222,150,914	231,375,585
Pembiayaan Bon	(100,000)	-	-	-
Dividen Dibayar	-	(18,500)	-	-
Pinjaman Bank	(22,173)	(78,507)	-	-
Belanja Faedah	(74,757)	(128,627)	-	-
Tunai Bersih Diguna Dari Aktiviti Pembiayaan	221,953,984	231,149,951	222,150,914	231,375,585
Penambahan/Pengurangan Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai	12,308,659	31,256,081	12,212,316	31,711,168
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	296,379,511	265,123,430	295,162,081	263,450,913
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	308,688,170	296,379,511	307,374,397	295,162,081
Tunai dan Kesetaraan Tunai Diwakili Oleh:				
Pelaburan Jangka Pendek	5 28,150,000	19,000,000	28,150,000	19,000,000
Simpanan Tetap (Al-Mudharabah)	6 275,900,000	264,840,000	275,900,000	264,840,000
Tunai di Tanqan dan Wanq di Bank	4 4,638,170	12,539,511	3,324,397	11,322,081
	308,688,170	296,379,511	307,374,397	295,162,081

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	Jumlah Bajet (RM)		Jumlah Belanja Sebenar (RM)	Varian bajet	
	Asal a	Akhir b		RM d=b-c	% e=(d/b*100)
Penerimaan					
Pemberian Kerajaan	181,520,000	181,520,000	165,317,350	16,202,650	8.93%
Yuran	21,850,000	16,950,000	16,221,399	728,601	4.30%
Faedah & Lain-lain	4,850,000	3,600,000	3,033,474	566,526	15.74%
Jumlah Penerimaan	208,220,000	202,070,000	184,572,223	17,497,777	8.66%
Peruntukan					
Gaji dan Upahan	95,375,000	91,659,000	89,380,309	2,278,691	2.49%
Elaun Tetap	23,211,000	23,203,400	22,814,053	389,347	1.68%
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	14,484,000	15,593,000	15,408,423	184,577	1.18%
Elaun Lebih Masa	2,000,000	1,991,000	1,960,264	30,736	1.54%
Faedah Kewangan Yang Lain	9,127,000	2,732,600	2,695,437	37,163	1.36%
Jumlah Emolumen	144,197,000	135,179,000	132,258,486	2,920,514	2.16%
Perbelanjaan Perjalanan & Sara Hidup	4,000,000	2,039,140	1,994,101	45,039	2.21%
Pengangkutan Barang-barang	20,000	25,600	23,553	2,047	8.00%
Perhubungan & Utiliti	10,000,000	6,915,576	6,878,763	36,813	0.53%
Sewaan	5,700,000	5,648,181	5,613,212	34,969	0.62%
Bekalan Bahan Mentah, Bahan Penyelenggaraan & Pembalkan	2,000,000	1,122,981	1,116,907	6,074	0.54%
Bekalan dan Bahan-bahan Lain	7,880,000	8,630,654	8,629,575	1,079	0.01%
Penyelenggaraan dan Pembalkan Kecil Yang Dibeli	10,000,000	10,020,836	9,921,535	99,301	0.99%
Perkhidmatan Ikhtisas, Perkhidmatan Lain Dibeli dan Hospitaliti	24,000,000	24,514,778	24,416,811	97,967	0.40%
Jumlah Perkhidmatan & Bekalan	63,600,000	58,917,746	58,594,457	323,289	0.55%
Harta Modal	1,500,000	4,808,147	4,715,031	93,116	1.94%
Biasiswa, Dermasiswa dan Bantuan Pelajaran	1,500,000	2,041,600	2,040,768	832	0.04%
Pemberian Dalam Negeri	1,000,000	418,199	356,739	61,460	14.70%
Pencen					
Ganjaran					
Jumlah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	2,500,000	2,459,799	2,397,507	62,292	2.53%
Bayaran-Bayaran Lain	4,000,000	3,594,908	3,489,243	105,665	2.94%
Perbelanjaan Lain	4,000,000	3,594,908	3,489,243	105,665	2.94%
Jumlah Perbelanjaan Mengurus	215,797,000	204,959,600	201,454,724	3,504,876	1.71%

**UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

1. MAKLUMAT AM DAN AKTIVITI UTAMA

- a. Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah ditubuhkan melalui Perintah Universiti Malaysia Terengganu (Pemerbadanan) [P.U (A) 27/ 2007 berdasarkan S.6(1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 2012).
- b. Aktiviti utamanya ialah mengendalikan program pengajian dalam bidang sains tulen, sains gunaan, sains sosial, teknologi dan pengurusan sumber alam untuk menghasilkan graduan dalam bidang tersebut ke arah menyumbangkan pasaran guna tenaga dan pembangunan negara.
- c. Pada 31 Disember 2020, UMT mempunyai kakitangan seramai 1,782 orang dan jumlah enrolmen pelajar ialah seramai 9,980 yang terdiri daripada 1,398 pelajar ijazah lanjutan serta 8,361 pelajar ijazah pertama dan pelajar diploma serta 221 pelajar asasi.
- d. Penyata Kewangan UMT yang berakhir 31 Disember 2020 telah dibentangkan dan diluluskan melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti pada 16 Februari 2021.

2. DASAR PEMATUHAN

a. Asas Penyediaan

Penyata Kewangan Kumpulan terdiri daripada Penyata Kewangan UMT yang pertama kali telah disediakan berdasarkan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Penyata Kewangan entiti yang dikawal pula telah disediakan menurut Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS). Sebelum ini penyata kewangan Kumpulan dan UMT telah disediakan mengikut Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS).

**UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

b. Mata Wang

Penyata Kewangan UMT disediakan dalam mata wang Ringgit Malaysia.

3. DASAR PERAKAUNAN

a. Asas Perakaunan

Penyata Kewangan ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah kecuali disebut sebaliknya di dalam pernyataan dasar perakaunan sepertimana dinyatakan di bawah.

b. Asas Penyatuan

Penyata kewangan kumpulan meliputi semua kumpulan wang Universiti dan Syarikat Subsidiarinya yang disediakan pada setiap akhir tahun kewangan.

Subsidiari adalah perusahaan yang dikuasai oleh Universiti. Penguasaan wujud apabila Universiti mempunyai kuasa langsung atau tidak langsung untuk mentadbir dasar kewangan dan operasi untuk mendapat faedah daripada aktivitiinya. Penyata Kewangan Subsidiari dimasukkan di dalam Penyata Kewangan Disatukan daripada tarikh kawalan berkuatkuasa sehingga ianya berakhir.

Mengikut kaedah perakaunan penyatuan, hasil kendalian subsidiari diperolehi atau dijual pada tahun semasa dimasukkan daripada tarikh penyatuan atau sehingga tarikh jualan. Pada tarikh penyatuan, nilai saksama bersih aset subsidiari ditentukan dan nilainya ditunjukkan di dalam penyata kewangan Kumpulan.

Perbezaan di antara kos penyatuan dan nilai saksama bersih aset subsidiari ditunjukkan mengikut kesesuaian sebagai muhibbah atau rizab atas penyatuan.

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Urusniaga dan baki dalam Kumpulan dan keuntungan tidak direalisasikan dikeluarkan semasa penyatuan. Kerugian tidak direalisasikan hasil daripada urusniaga dalam Kumpulan dikeluarkan juga kecuali kos yang tidak dapat diperolehi semula.

c. Pengiktirafan Pendapatan

Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

- i) Yuran pengajian diiktiraf apabila pelajar mendaftar dalam tahun berkenaan. Hanya yuran semester yang berkaitan dengan tahun kewangan semasa diambil kira sebagai hasil.
- ii) Faedah simpanan tetap diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.
- iii) Pendapatan sewa diiktiraf apabila inbois/bil dikeluarkan kepada penyewa.
- iv) Lain-lain hasil diiktiraf apabila sesuatu perkhidmatan itu telah diberikan.

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

- i) Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran mengurus diambil kira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan dan penyelidikan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan mengikut kos projek yang telah siap, aset yang dibeli dan belanja pakai habis.
- ii) Pendapatan denda diiktiraf atas dasar penerimaan. Denda pecah kontrak diiktiraf sebagai pendapatan apabila surat tuntutan dikemukakan oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang UMT.
- iii) Sumbangan luar yang diterima daripada organisasi luar untuk membiayai aktiviti UMT diiktiraf apabila pendapatan itu diterima kecuali terdapat keperluan untuk diiktiraf sebaliknya.

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

d. Penghutang

- i. Penghutang dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan.
- ii. Peruntukan Hutang Ragu yang dibuat adalah berdasarkan penyemakan akhir tahun ke atas hutang yang ditentukan berdasarkan sifat, status dan pengumuran hutang-hutang tersebut.
- iii. Peruntukan ini dibuat bagi tempoh hutang yang melebihi 1 hingga 5 tahun dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.
- iv. Hutang lapuk dihapuskan setelah mendapat kelulusan pihak berkuasa Universiti. Jumlah yang kemudiannya dapat dipungut balik akan dikira sebagai pendapatan.

e. Hartanah, Loji dan Peralatan

- i. Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan nilai, jika ada. Didefinisikan sebagai barang tak luak yang mempunyai tempoh penggunaan ekonomik yang lebih daripada 12 bulan dan bernilai RM3,000 atau lebih setiap satu. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan.
- ii. Buku-buku perpustakaan tidak dipermodalkan.

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

f. Aset Tak Ketara

Aset tak ketara diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti dan mempunyai nilai RM3,000 atau lebih. Pemerolehan aset tak ketara yang boleh dikenalpasti melalui hak penggunaan tanah dan harta intelektual, termasuk yang diperolehi melalui penggabungan perniagaan, adalah diiktiraf sebagai aset dan diukur pada kos, ditolak pelunasan terkumpul dan rosot nilai terkumpul, jika ada.

g. Pelunasan/Susut nilai

- i. Tanah milik bebas tidak dilunaskan manakala tanah pajakan dilunaskan samarata mengikut tempoh pajakan.
- ii. Susut nilai Hartanah, Loji dan Peralatan dikira berasaskan kaedah garis lurus ke atas anggaran hayat kegunaan aset berkenaan.

Kadar susut nilai tahunan adalah seperti berikut :-

	(%)
Bangunan	2
Loji dan Jentera	20
Peralatan Pejabat & Perabot dan Kelengkapan	20-25
Kenderaan	20
Kemudahan	5
Aset Tetap Lain	20
Peralatan Kolam	10

- iii. Pelunasan bagi aset tidak ketara adalah menggunakan kaedah garis lurus pada kadar 20% atau berdasarkan kepada anggaran tempoh yang dinyatakan secara perundangan.

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

h. Penjejasan Nilai Aset

Hartanah, loji dan peralatan serta aset bukan semasa akan disemak jika terdapat tanda-tanda berlakunya penjejasan nilai. Kerugian penjejasan nilai diiktiraf nilai yang dibawa melebihi nilai boleh pulih aset tersebut. Kerugian penjejasan nilai dicaj dalam Penyata Pendapatan.

Kerugian penjejasan nilai bagi aset-aset yang dinilai semula dianggap sebagai defisit penilaian adalah terhad kepada kerugian berkenaan yang tidak melebihi rezab penilaian bagi aset berkaitan. Penjejasan nilai boleh pulih berikutan pertambahan nilai yang diperolehinya dihadkan kepada jumlah dibawa jika tiada kerugian penjejasan diiktiraf pada tahun-tahun sebelumnya.

Sebarang kebalikan penjejasan nilai diiktirafkan sebagai hasil pada penyata pendapatan. Penjejasan nilai boleh pulih bagi aset yang dinilai semula dianggap sebagai tambahan penilaian terhad kepada amaun yang terdahulunya dinyatakan dalam rezab penilaian bagi aset berkaitan.

i. Pembinaan Dalam Kemajuan

i. Kerja Dalam Kemajuan

Kerja Dalam Kemajuan adalah kerja yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan yang dinilai mengikut kos dan susut nilai tidak diperuntukkan. Kos pembinaan akan dipindahkan ke aset tetap yang berkenaan apabila Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

ii. Perolehan Peralatan

Perolehan Peralatan adalah akaun untuk merekodkan peralatan dan bekalan yang dibayar secara berperingkat yang dinilai mengikut kos dan susut nilai tidak diperuntukkan. Apabila siap, kosnya dipindahkan ke aset tetap yang berkenaan.

j. Inventori

- i. Inventori diukur pada nilai terendah antara kos dan anggaran harga jualan ditolak kos untuk disiapkan dan dijual. Kos inventori terdiri daripada semua kos pembelian, kos penukaran dan kos lain yang ditanggung untuk membawa inventori ke lokasi dan keadaan semasa inventori. Kos inventori diukur dengan menggunakan kaedah masuk dahulu keluar dahulu.
- ii. Pada setiap tarikh pelaporan, taksiran terhadap rosot nilai inventori dilakukan. Sekiranya nilai inventori terjejas, nilai dibawa inventori dikurangkan kepada harga jualan ditolak kos untuk disiapkan dan dijual; kerugian akibat rosot nilai dicaj ke Penyata Pendapatan dengan serta-merta. Pada setiap tarikh pelaporan yang berikutnya, nilai dibawa inventori akan dikaji semula. Sekiranya terdapat sebarang petunjuk bahawa kerugian rosot nilai yang diiktiraf dalam tempoh terdahulu tidak lagi wujud atau apabila terdapat bukti jelas mengenai kenaikan harga jualan ditolak kos untuk disiapkan dan dijual disebabkan oleh perubahan keadaan ekonomi, kerugian rosot nilai dipulihkan ke tahap jumlah dibawa baru pada nilai terendah antara kos dan anggaran harga jualan baru ditolak kos untuk disiapkan dan dijual.

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

- iii. Keluaran pertanian diukur pada nilai saksama tolak kos untuk dijual pada titik tuaian. Komoditi pertanian yang diproses diukur pada nilai saksama ditolak kos untuk dijual setelah selesai pengeluaran mengikut amalan industri yang diterima pakai. Nilai saksama ditentukan menggunakan harga pasaran aktif.

k. Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari dinyatakan pada kos dan akan diturunkan nilainya apabila terjadi kerugian akibat daripada penurunan nilai pelaburan yang bukan bersifat sementara.

l. Pelaburan Jangka Pendek

Pelaburan Jangka Pendek dinyatakan pada nilai pasaran.

m. Liabiliti Cukai Pendapatan

Universiti Malaysia Terengganu adalah dikecualikan dari cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah Perenggan 13 Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967.

Cukai di dalam penyata kewangan anak syarikat terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa mewakili cukai pendapatan dijangka akan dikenakan ke atas keuntungan boleh cukai bagi tahun dan dikira mengikut kadar cukai pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Cukai tertunda dikira mengikut kaedah liabiliti berhubung dengan semua perbezaan masa yang penting kecuali dijangkakan dengan munasabah bahawa kesan pencukaian tersebut akan berterusan dalam masa depan yang boleh dijangkakan. Faedah cukai tertunda hanya diiktiraf apabila terdapat jangkakan realisasi yang munasabah pada masa depan yang terdekat.

n. Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan Kesetaraan Tunai adalah merangkumi tunai di tangan, baki dan deposit bank serta pelaburan mudah cair yang tidak dicagarkan untuk sebarang tujuan dan sedia untuk ditukarkan kepada tunai tanpa risiko perubahan nilai yang ketara.

o. Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Kumpulan membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

Kumpulan hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:-

Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:-

- i) Kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
- ii) Pembayaran tertunggak;
- iii) Kemungkinan bahawa peminjam akan mufliis; atau
- iv) Data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

